

22 APR 1996

KILANG WAFER DI BUKIT JALIL MELENGKAPI MULTIMEDIA ASIA '96

KUALA LUMPUR, 22 April (Bernama) -- Kilang fabrikasi wafer Institut Sistem Mikroelektronik Malaysia (MIMOS) Bukit Jalil, Selangor dijangka akan beroperasi menjelang bulan Ogos tahun ini.

Kilang itu akan melengkapi Multimedia Asia '96, iaitu satu pameran untuk para pelabur yang berpotensi dan pemaju "Multimedia Super Corridor" di Malaysia yang memberikan khidmat kepada industri digital.

Ketua Pengarah MIMOS Tengku Mohd Azzman Shariffadeen menyatakan kilang fabrikasi wafer itu, yang mana pembinaannya mengikut jadual, akan menjadi bahan pameran yang akan diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra pada 1 hingga 4 Ogos nanti.

Beliau menyatakan 11 peserta yang akan mengambil bahagian dalam pameran itu telah menandatangani perjanjian, kata beliau.

Sebelas peserta itu ialah Nippon Telephone and Telegraph Corporation, Acer Sales and Services Sdn Bhd, Sony Sales and Services (M) Sdn Bhd, Madge Network Malaysia, Microsoft (M) Sdn Bhd, Oracle Systems Malaysia Sdn Bhd, Bay Networks Malaysia, Silicon Communications Sdn Bhd, Cisco Systems Sdn Bhd, BRG Interactive Digital Media Sdn Bhd dan Persatuan Industri Komputer Malaysia.

Sehingga kini 30 syarikat telah memberikan persetujuan untuk mengambil bahagian dalam pameran itu.

Multimedia Asia '96, akan dirasmikan oleh Perdana Menteri dan Pengerusi Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITC) Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed.

Pameran itu dianjurkan bersama oleh NITC dan Reed Exhibitions Sdn Bhd, dijangka akan menarik lebih 300 peserta dan 20,000 para pelawat.

Tengku Mohd Azzman menyatakan masa pameran itu bersesuaian dengan kegiatan lain seperti Dialog Antarabangsa Langkawi, mesyuarat majlis Suruhanjaya Maklumat Global dan persidangan Rakan Kongsi Perikatan Perniagaan oleh Oracle Systems. -- BERNAMA

DAB RIF SIA

EK